

Pengarang Lelaki Mencitrakan Watak Wanita Sebagai Watak Utama Dalam Skrip Bangsawan Laksamana Cheng Ho

Nurul Fitriah¹, Zainatul Shuhaida Abdull Rahman²

^{1,2} Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Selangor, Malaysia

Corresponding Author: zainatul@uitm.edu.my

Received: March 25, 2025

Accepted: March 28, 2025

Published: March 30, 2025

ABSTRAK

Analisis ini mengenai gaya penulisan pengarang lelaki mencitrakan watak wanita sebagai subjek utama dalam skrip pementasan drama bangsawan Laksamana Cheng Ho. Pengarang mendalami watak dan perwatakan wanita dari sudut perspektif pengarang lelaki dalam konteks pemikiran, harapan dan impian, behaviorisma wanita. Analisis ini fokus kepada watak utama iaitu Puteri Ang Di Po dalam dialog, hubungan komunikasinya dengan Maharaja Ming dan Laksamana Cheng Ho serta pemikirannya di luar latar masyarakat pada zaman tersebut di China. Teori pengarang yang digunakan ialah teori teksdealisme. Hasil penerokaan kepada watak mendapati watak Puteri Ang Di Po adalah wanita yang berani, berwawasan dan pemikiran luas untuk menjelajah dan menakluk wilayah manakala pengarang mendominasi watak wanita dan mengangkat ia di dalam karya dengan mengubah dari cerita asal melalui prinsip pelanggaran supaya wanita menjadi subjek utama dalam karyanya.

Keywords: Representasi Wanita, Drama Bangsawan, Perspektif Pengarang Lelaki, Teori Teksdealisme

ABSTRACT

This analysis examines the writing style of male authors in portraying female characters as the main subject in the Bangsawan stage drama script Laksamana Cheng Ho. The author explores the character and personality of women from a male author's perspective, focusing on their thoughts, aspirations, and behavioral traits. This study specifically analyzes the protagonist, Puteri Ang Di Po, through her dialogues, communication with Emperor Ming and Laksamana Cheng Ho, as well as her unconventional thinking beyond the societal norms of that era in China. The theoretical framework applied in this study is Textdealisme Theory. The findings reveal that Puteri Ang Di Po is depicted as a courageous, visionary woman with broad ambitions to explore and conquer territories. The male author redefines and elevates the female character by deviating from the original narrative using the principle of transgression, thereby positioning the woman as the central subject of the work.

Keywords: Female Representation, Bangsawan Drama, Male Authors' Perspective, Textdealisme Theory

1. PENGENALAN

Skrip drama pentas mempunyai keunikan tersendiri yang membezakannya daripada bentuk kesusasteraan lain seperti novel dan puisi. Tidak seperti novel yang bergantung kepada naratif bertulis yang mendetail atau puisi yang bersifat lirik dan padat, skrip drama pentas menekankan dialog serta arahan pentas sebagai medium utama dalam menyampaikan mesej dan emosi karya (Samsuddin & Bujang, 2013). Bangsawan, sebagai salah satu bentuk teater tradisional Melayu, turut mengangkat elemen lakonan, nyanyian, dan tarian sebagai aspek penting dalam penceritaannya, menjadikannya berbeza daripada bentuk teater moden yang lebih terikat kepada skrip bertulis sepenuhnya (Matusky & Beng, 1995). Dalam konteks ini, kajian terhadap watak wanita dalam skrip Bangsawan menjadi satu pendekatan yang menarik, khususnya dalam memahami bagaimana pengarang lelaki mencitrakan peranan wanita dalam karya mereka.

Drama Bangsawan *Laksamana Cheng Ho* merupakan satu contoh bagaimana pengarang lelaki menampilkan watak wanita sebagai subjek utama dalam naratifnya. Watak Puteri Ang Di Po dalam skrip ini tidak sekadar menjadi pelengkap cerita, tetapi diangkat sebagai individu yang berani, berwawasan, serta memiliki pemikiran yang melangkaui batas norma sosial zamannya. Dialog dan interaksi watak ini dengan Maharaja Ming serta Laksamana Cheng Ho memperlihatkan bagaimana perspektif pengarang lelaki membentuk pemikiran dan tindakan wanita dalam naskahnya. Melalui prinsip pelanggaran terhadap naratif asal, pengarang telah menonjolkan Puteri Ang Di Po sebagai peneraju utama dalam penceritaan, menggambarkan aspirasi dan kebolehan wanita dalam menerajui perubahan serta penaklukan wilayah (Zulhidayati et al., 2024).

Kajian ini menggunakan pendekatan teori teksdealisme dalam menganalisis bagaimana pengarang lelaki membentuk watak wanita dalam skrip Bangsawan *Laksamana Cheng Ho*. Dengan mengkaji watak utama ini, analisis akan meneliti bagaimana pemikiran, harapan, dan behaviorisme wanita dicorakkan dalam naratif yang ditulis oleh lelaki. Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji bagaimana skrip drama Bangsawan berfungsi sebagai wadah untuk memperlihatkan peranan wanita dalam konteks sejarah dan budaya, serta sejauh mana watak wanita dalam skrip ini mencerminkan nilai dan pemikiran pengarang terhadap kedudukan wanita dalam masyarakat.

2. TINJAUAN LITERATUR

Wanita merupakan golongan yang memainkan peranan penting dalam sesebuah struktur masyarakat. Kedudukan mereka dalam masyarakat sering menjadi topik perbincangan, sama ada dalam konteks negara mahupun dalam unit terkecil seperti institusi keluarga (Norhayati Ab. Rahman, 2020).

Menurut Norhayati Ab. Rahman (2005), kedudukan wanita dalam masyarakat masih berdepan dengan pelbagai cabaran dan halangan. Dalam analisis karya sastera, beliau menegaskan bahawa banyak penulisan pengarang lelaki sering menggambarkan watak wanita dalam kedudukan yang terpinggir. Pandangan wanita sering kali tidak didengari, dan ini mendorong ramai pengarang wanita

untuk menghasilkan karya yang bertujuan memperkasakan imej dan suara wanita dalam sastera.

Selain itu, Norhayati Ab. Rahman (2020) turut membincangkan keunikan pengarang wanita dalam menghasilkan karya yang lebih peka terhadap pengalaman dan identiti wanita. Mereka mempunyai kebebasan untuk menulis serta menggambarkan pelbagai aspek kewanitaan berdasarkan pengalaman peribadi, sama ada dalam aspek biologi, psikologi, budaya, mahupun bahasa wanita. Kajian beliau turut menganalisis bagaimana personaliti Shirley Idris mempengaruhi sensitiviti beliau dalam menghasilkan kumpulan puisi *Perempuan Serpihan Malam*.

Dalam konteks sastera, pengarang lelaki sering kali menggambarkan watak wanita dalam kedudukan yang lebih rendah atau dipandang remeh berbanding lelaki. Fenomena ini mencerminkan kedudukan wanita dalam masyarakat secara lebih luas, di mana mereka masih dilihat berada di kelas bawahan dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk dalam dunia penulisan (Norhayati Ab. Rahman, 2005).

3. DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil analisis skrip terdapat banyak nilai dan perwatakan wanita yang ditunjukkan oleh pengarang dalam skrip drama bangsawan *Laksamana Chen Ho* seperti berani, bijak, suka berkias, lemah lembut dalam berkata-kata dan luas pandangan selain taat dan patuh pada ibu bapa. Perwatakan yang berani banyak ditunjukkan dalam dialog Puteri Ang Di Po di dalam skrip Rahman B. Golongan wanita sering dipandang lemah dan dianggap sebagai insan yang lemah dan tidak mampu untuk berbuat apa-apa (Norizam & Jamian, 2020). Mentaliti masyarakat sering menganggap dan memandang golongan wanita memiliki kekuatan fizikal yang lemah dan disebabkan itu juga golongan wanita juga sering disisihkan dan dipinggirkan daripada mendapat sebarang keistimewaan.

Jadual 1: Watak Wanita Yang Berani

Mengenalpasti perwatakan watak	Perbuatan/ Dialog berani	Analisa Perwatakan
Wanita yang berani	“paduka ayahanda sudah puas anakanda bermain di taman larangan, ingin pula hendak duduk di atas bahtera pergi belayar	“paduka ayahanda sudah puas anakanda bermain di taman larangan, ingin pula hendak duduk di atas bahtera pergi belayar
Babak : 1	Watak: Puteri Ang Di Po melihat gugusan pulau di benua”	melihat gugusan pulau di benua”

Berikut di dalam jadual 1 merupakan dialog yang menunjukkan bahawa Puteri Ang Di Po seorang yang berani menyuarakan hasratnya untuk duduk di atas bahtera dan pergi belayar melihat gugusan pulau di benua. Rahman B telah mengangkat watak Puteri Ang Di Po dengan menjadikan watak wanita seperti Puteri Ang Di Po sebagai seorang yang berani menyuarakan hasratnya untuk pergi belayar dan menyakinkan ayahandanya, Maharaja Meng untuk membenarkannya untuk

menduduki bahtera. terdapat mentaliti masyarakat yang menganggap watak wanita hanya sesuai duduk di rumah, wanita belajar tinggi tinggi dan akhirnya akan duduk di dapur dan wanita harus menguruskan suami semata-mata. Mentaliti masyarakat sebegitu masih wujud walaupun hak kebebasan seorang wanita sudahpun muncul seawal sebelum kedatangan islam. Dalam babak tersebut jelas menunjukkan bahawa watak Puteri Ang Di Po berani menyatakan hasratnya untuk pergi belayar dan melihat gugusan pulau di benua.

Sikap wanita yang suka berkias dari perwatakan Puteri Ang Di Po di tunjukkan dalam dialog beliau ketika berkomunikasi dengan Laksamana Chen Ho. Berkias merupakan suatu perbuatan untuk menyatakan tentang sesuatu. Hal ini kerana wanita lebih gemar berkias dalam menyampaikan sesuatu berbanding lelaki yang hanya akan berterus terang tentang sesuatu perkara. Namun di dalam skrip *Bangsawan Laksamana Cheng Ho* karya Rahman B beliau telah mengetengahkan watak wanita yang suka berkias kerana ingin menunjukkan bahawa perwatakan wanita yang berkias ini mempunyai keunikan yang tersendiri dan mampu mengangkat martabat wanita.

Jadual 2: Watak Perempuan Yang Gemar Berkias

Mengenalpasti perwatakan watak	Perbuatan/ Dialog berani	Analisa Perwatakan
Wanita yang gemar berkias Babak : 1 Watak : Puteri Ang Di Po	“walau taman indah, bunga banyak berkembang, angin bertiup sayu-sayu bahasa, bunga berkembang semerbak harum dikeliling, kurang serinya kerana tidak ada seekor kumbang pun yang menyapa, menghidu bunga kenanga”	Watak wanita yang gemar berkias ketika ingin menjelaskan sesuatu perkara.

Sikap wanita yang suka berkias dari perwatakan Puteri Ang Di Po di tunjukkan dalam dialog beliau ketika berkomunikasi dengan Laksamana Chen Ho. Berkias merupakan suatu perbuatan untuk menyatakan tentang sesuatu. Hal ini kerana wanita lebih gemar berkias dalam menyampaikan sesuatu berbanding lelaki yang hanya akan berterus terang tentang sesuatu perkara. Namun di dalam skrip *Bangsawan Laksamana Cheng Ho* karya Rahman B beliau telah mengetengahkan watak wanita yang suka berkias kerana ingin menunjukkan bahawa perwatakan wanita yang berkias ini mempunyai keunikan yang tersendiri dan mampu mengangkat martabat wanita

Watak berani yang dimiliki oleh watak Puteri Ang Di Po telah ditunjukkan di dalam jadual 1 menerusi beberapa dialog yang telah dikod dari babak dalam skrip *Bangsawan Laksamana Cheng Ho*.

Jadual 3: Watak Perempuan Yang Bijak

Babak dan Watak	Perbuatan/ Dialog berani	Penerangan
Babak : 2 Watak : Puteri Ang Di Po	“Anakanda berpendapat jika kita letakkan Chen Ho sebagai laksamana yang menerajui pelayaran”	Watak Puteri Ang Di Po dianggap sebagai watak yang bijak kerana dia telah menyuarakan perkara yang langsung tidak terfikir oleh maharaja

Seorang wanita diibaratkan sebagai sebuah permata yang indah dan berharga dalam sesebuah keluarga, bangsa serta sebuah peradaban. Hal ini kerana, Kepribadian seorang wanita adalah adalah perlambangan sebuah etika dan ianya merupakan sebuah perkara yang penting untuk terus dipelihara. Sebagai seorang wanita, kita haruslah menerapkan sikap yang seharusnya dimiliki oleh wanita. Selain itu, dalam era modenisasi ini, ramai dalam kalangan generasi terutamanya wanita yang semakin hilang akan sikap malu dalam diri mereka. Bukan itu sahaja, sifat lemah lembut, sopan santun juga merupakan suatu perkara yang mampu melambangkan kepribadian seorang wanita yang harus dijaga dan jangan dirobek oleh zaman yang sentiasa beralih yang mampu menyebabkan perubahan sikap dan budaya wanita. Hal ini turut disokong oleh hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amr RA bahawa Rasulullah bersabda :“ Dunia adalah perhiasan, dan sebaik- baik perhiasan dunia adalah wanita yang solehah” Berikut merupakan hadis sahih yang diambil daripada hadis Riwayat muslim 715. Wanita memiliki sebuah peribadi yang teguh adalah sosok wanita yang memegang erat kepada agamanya dan juga telah dididik untuk memiliki sifat peribadi yang baik dan juga memiliki sebuah luhur budi pekerti yang baik. Oleh itu, selain daripada seorang wanita yang bijak, Rahman B juga telah mencitrakan Puteri Ang Di Po sebagai seorang wanita yang lemah lembut dan mendengar kata. Sebagai contohnya, di dalam skrip bangsawan Laksamana Chen Ho dialog yang telah menunjukkan watak Puteri Ang Di Po sebagai watak yang mendengar kata adalah ketika ayahandanya, Maharaja Meng mentitahkannya untuk berkahwin dengan Sultan Mansur Syah.

Rahman B bijak menggambarkan wanita dengan mengangkat watak dan perwatakan, pemikiran dan pandangan mereka yang luar dan menggambarkan dalam komunikasi watak dengan watak lain. Gaya penulisan Rahman B dalam mengangkat watak di dalam skrip ialah dengan memperbanyakkan watak itu berdialog. Di dalam skrip ini ia ditunjukkan melalui watak Puteri Ang di Po. Walaupun hanya terdapat empat watak wanita di dalam skrip, dialog lebih banyak tertumpu kepada dialog wanita. Melalui skrip drama bangsawan Laksamana Chen Ho, plot perumitan, klimaks dan juga peleraian lebih tertumpu kepada dialog wanita. Hal ini kerana, sesetengah penceritaan yang dikarang oleh pengarang lelaki terkadang hanya menumpukan kepada dialog watak lelaki dan kurang menumpukan kepada dialog watak wanita dan juga kurang memberi peluang kepada watak wanita untuk lebih menonjol sehingga menyebabkan watak wanita tersebut akan tenggelam. Menurut kajian yang dilakukan oleh Zulkarnain & Fitriani

(2018) telah melakukan satu eksperimen berkenaan intonasi dan eksperimen tersebut menunjukkan bahawa intonasi watak wanita adalah suatu yang bernilai jika ingin dibandingkan dengan intonasi lelaki.

Jadual 4: Watak Intonasi Wanita Mempengaruhi Cerita

Babak Dan Watak	Perbuatan / Dialog	Penerangan
Babak: 1 Watak: puteri ang di po	“Terima kasih dayang, lebih baik bunga-bunga yang masih kembang ini di bawa pulang ke istana “	Di dalam babak 1 , kebanyakan watak yang memiliki jumlah dialog yang banyak adalah merupakan watak wanita berbanding dengan watak lelaki.
Babak: 1 Watak: puteri ang di po	“Terima kasih dayang, lebih baik bunga-bunga yang masih kembang ini di bawa pulang ke istana “	Di dalam babak 1 , kebanyakan watak yang memiliki jumlah dialog yang banyak adalah merupakan watak wanita berbanding dengan watak lelaki.
Babak : 1 Watak : Dayang 2	“Tuan puteri, inilah semua bungabunga yang sudah dipetik oleh patik sekalian”	Dialog bagi wanita telah mendominasi penceritaan keseluruhan babak 1.
Babak : 2 Watak : Dayang 1/ Yang Lu Sai Sue	“kalau sudah limpah perkenan, mohon patik bawa menghadap”	Dialog bagi wanita telah mendominasi penceritaan keseluruhan babak 1.

Dalam dialog di atas jelas menunjukkan bahawa wanita dengan intonasi juga mampu mempengaruhi sesebuah cerita dan menjadi sesebuah penggerak dalam cerita tersebut. Dialog di atas jelas menunjukkan Rahman B meletakkan banyak dialog wanita dalam bahagian klimaks. Berdasarkan dialog tersebut penonton boleh membayangkan bagaimana intonasi wanita walau hanya membaca melalui skrip sahaja. Seterusnya, Rahman B meletakkan banyak dialog watak wanita dalam plot klimaks, perumitan dan perleraian dalam babak tersebut intonasi wanita yang dapat memainkan peranan bagi menarik perhatian penonton untuk melihat dan juga mendengar.

Sebagai seorang wanita adakalanya perlu akur dengan pandangan kaum lelaki terhadap wanita dalam cara lelaki mencitrakan watak seorang wanita dalam sesebuah cerita. Kaum lelaki telah bertindak sebagai pengkritik yang mengkritik feminis gagal dalam memperlihatkan gambaran hati dan emosi wanita. Kaum lelaki pada pandangan pengkritik wanita gagal dalam dalam menjadi mekanisme yang mampu menggerakkan babak ke hadapan. Pengarang lelaki sesetengah ingin

mengangkat watak wanita namun kurang bijak untuk meletakkan watak wanita agar boleh menggerakkan sesebuah cerita agar wataknya lebih menonjol.

Di dalam skrip bangsawan Laksamana Chen Ho, Rahman B bijak menggunakan konsep pelanggaran dengan menghasilkan karya ini untuk mengangkat watak wanita dan mengubah watak Puteri Ang Di Po menjadi sebuah watak yang lebih baik berbanding dengan cerita asal agar babak cerita boleh bergerak ke hadapan. Analisis juga mendapati bahawa pengarang banyak menggunakan prinsip pelanggaran dalam skrip drama bangsawan *Laksamana Cheng Ho*. Selain itu, Rahman B bijak menggunakan prinsip pelanggaran dalam menghasilkan karya ini bagi mengangkat watak wanita dengan mengubah watak Puteri Ang Di Po kepada watak yang lebih baik berbanding dengan lagenda asal skrip bangsawan Laksamana Chen Ho watak Puteri Hang Li Po tidak dicitrakan sebagai watak wanita yang berani. Oleh itu, watak Puteri Ang Di Po telah dijadikan sebagai sebuah penggerak dalam cerita dimana Puteri Ang Di Po telah dijadikan sebagai sebuah penggerak dalam cerita dimana Puteri Ang Di Po bertindak sebagai penggerak dimana Puteri Ang Di Po selalu ada di setiap plot selanjutnya. Skrip drama bangsawan Laksamana Cheng Ho, Rahman B telah memperlihatkan serta mencitrakan watak wanita akan terlihat mampu mempengaruhi orang lain. Hal ini kerana, pencitraan wanita subjek utama dilakukan oleh Rahman B terhadap watak wanita yang menjadi konflik yang akan terjadi di sesebuah cerita.

Jadual 5: Watak wanita yang mampu mempengaruhi watak lain.

Babak dan Watak	Perbuatan/ Dialog berani	Penerangan
Babak: 5 Watak:Puteri Ang Di Po	“ampunkan patik paduka ayahanda, jika ada limpah perkenan dari paduka ayahanda Maharaja, anakanda mohonkan pelayar yang bijak lagi laksana untuk menjadi nakhoda anakanda”	Puteri Ang Di Po sedang memujuk ayahandanya Maharaja Meng supaya melantik Laksamana Chen Ho sebagai Nakhoda.

Berikut merupakan kenyataan pada babak 5 dimana Puteri Ang Di Po sedang memujuk ayahandanya iaitu Maharaja Meng untuk membenarkan mengikut Laksamana Chen Ho untuk pergi belayar. Terjadilah konflik di mana Puteri Ang Di Po telah jatuh cinta pada Laksamana Cheng Ho dan telah berlaku perkara buruk di dalam bahtera. Dalam skrip drama bangsawan Laksamana Chen Ho, dapat dilihat bahawa Rahman B meletakkan wanita watak seorang wanita menjadi subjek utama dalam cerita dengan menjadikan watak wanita sebagai sebuah subjek yang boleh mempengaruhi perkembangan plot cerita. Maka, penguat watak dan perwatakan merupakan sesuatu yang penting dalam menghasilkan sesebuah karya. Rahman B juga telah menonjolkan watak Puteri Ang Di Po dari aspek fizikal yang dikatakan sempurna. Hal ini kerana, Puteri Ang Di Po merupakan seorang yang cantik, menawan dan juga berani.

Jadual 6: Perwatakan Puteri Ang Di Po yang lemah lembut.

Babak dan Watak	Perbuatan/ Dialog berani	Penerangan
Babak: 2 Watak: Puteri Ang Di Po.	Puteri Ang Di Po menggunakan suara yang lembut ketika bercakap dengan ayahandanya, Maharaja Meng	Puteri Ang Di Po menggunakan nada suara yang lembut ketika bercakap dengan ayahandanya ,Maharaja Meng

Lemah lembut merupakan suatu sifat yang perlu ada di dalam diri seorang yang bergelar wanita. Hal ini kerana, sifat ini bukan sahaja mampu menyebabkan orang sekeliling senang bergaul dengan kita malahan ia juga dapat melambangkan keperibadian yang baik seseorang itu. Di dalam skrip bangsawan Laksamana Chen Ho ini pengarangnya telah mencitrakan watak wanita iaitu Puteri Ang Di Po sebagai seorang wanita yang lemah lembut apabila berkata kata. Sebagai contoh, beliau menggunakan bahasa yang lembut apabila bercakap dengan ayahandanya iaitu Maharaja Meng. Perkara ini sesuai dengan hadis riwayat ya ng berbunyi: “*secantik-cantik perhiasan adalah wanita yang menjaga tutur katanya*” (Hadis riwayat al-bukhari).

Oleh sebab itu, sebagai wanita kita harus menjaga tutur kata dan tingkah laku agar tidak dipandang serong oleh masyarakat. Pengarang skrip bangsawan laksamana chen ho ini telah mencitrakan wanita melalui menonjolkan sifat lemah lembut dalam berkata-kata di dalam watak Puteri Ang Di Po.

4. KESIMPULAN

Rumusannya, keseluruhan penulisan analisis ini didapati banyak pencitraan watak wanita yang telah digambarkan oleh pengarang lelaki iaitu Rahman B. Selain itu, daripada segi watak dan perwatakan dapat dilihat pengarang cuba untuk mengangkat watak wanita dengan menjadikan subjek yang menggerakkan sesebuah cerita dengan menjadikannya sebuah subjek yang mampu menggerakkan cerita dan watak-watak lain. Seterusnya, kebijaksanaan pengarang Rahman B dapat dilihat sebagai pengarang dalam skrip bangsawan Laksamana Chen Ho, apabila beliau telah memasukkan pengajaran agar mampu menjadi nasihat dan teladan untuk masyarakat. Bukan itu sahaja, dalam konteks pengarang lelaki mengangkat dan menjadikan wanita sebagai subjek utama dalam sesebuah karya dan analisis mendapati bahawa Rahman B telah mengangkat watak wanita dari segi nilai positif yang dimasukkan iaitu komunikasi watak wanita, pemikiran, wawasan, gagasan, visi dan tindakan daripada aksi. Analisis ini diharapkan mampu memberikan impan kepada pembaca agar dapat melihat bagaimana pengarang lelaki mencitrakan watak wanita yang dijadikan subjek utama dalam sesebuah karya. Esei ini juga memperlihatkan kemampuan pengarang lelaki dalam menjadikan watak wanita sebagai “hero” dan berharap agar terdapat ramai lagi pengarang lelaki yang akan menjadikan watak wanita sebagai subjek utama dalam karya mereka dan juga demi memastikan bahawa watak wanita juga mampu bersaing setanding watak lelaki.

REFERENCES

- Jamian, Muhd Norizam & Nursyaza Ilyana Shahrudin. (2020).Kepimpinan wanita dalam novel Matriark karya Samsiah Mohd. Nor. *Jurnal Melayu*, Vol 20(10) 53-547. <https://journalarticle.ukm.my/16335/>
- Matusky, P., & Beng, T. S. (1995). Bangsawan, A Social and Stylistic History of Popular Malay Opera. *Asian Music*. <https://doi.org/10.2307/834440>
- Norhayati Ab. Rahman(2005). *Tesis sarjana sastera puitika sastera wanita dalam novel- novel pengarang wanita Indonesia dan Malaysia: Satu kajian Ginokritik* : pusat pengajian ilmu kemanusiaan Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Samsuddin, M. E., & Bujang, R. B. H. (2013). Bangsawan: Creative Patterns in Production. *Asian Theatre Journal*. <https://doi.org/10.1353/ATJ.2013.0020>
- Zulhidayati, I., Sunarmi, S., Sarwanto, S., & Sudarwanto, A. (2024). The Existence of Bangsawan Theatre in Palembang Viewed From the Demographic Aspect. *International Journal of Social Science and Human Research*. <https://doi.org/10.47191/ijsshr/v7-i01-38>
- Zulkarnain, S. I., & Fitriani, N. (2018). Perbedaan gaya bahasa laki-laki dan perempuan pada penutur Bahasa Indonesia dan Aceh. *International Journal of Child and Gender Studies*, 4(1), 159-172. <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/equality/article/view/4486/2948>